

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan terkini mengikut pecahan umur, jantina, etnik, negeri dan kewarganegaraan di bawah Akta Hasutan, SOSMA, POTA dan POCA sehingga kini serta tarikh penahanan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh dari tahun 2015 sehingga tahun 2019, seramai 1,685 orang telah ditangkap di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) 2012. Daripada jumlah tersebut, 470 tangkapan kerana terlibat dengan sindiket penyeludupan manusia dan pemalsuan dokumen, 422 tangkapan ke atas anggota kumpulan militant Islamic State @ Daesh, 66 tangkapan ke atas anggota lain- lain kumpulan pengganas, 601 tangkapan kerana terlibat dengan aktiviti gangsterisme, 62 tangkapan atas kesalahan samun berkawan dan 64 tangkapan kerana terlibat dengan pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Dari segi kewarganegaraan, seramai 277 merupakan warga asing. Antara warga asing yang ditangkap adalah dari Bangladesh, Sri Lanka, Myanmar dan Indonesia.

Bagi Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, pihak Polis Diraja Malaysia telah membuat tangkapan ke atas 35 orang yang disyaki terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh sejak akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 September 2015. Bagi Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 pula, seramai 8,402 orang (135 orang di bawah Cawangan Khas, 8,246 orang di bawah Jabatan Siasatan Jenayah, dan 21 orang di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil) telah diambil tindakan. Manakala, bagi Akta Hasutan, seramai 76 orang telah ditahan di bawah akta tersebut bagi tempoh 2015 sehingga tahun 2019.